

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

STU 431 Dasar Perancangan Sosial

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** (4) dari **TUJUH** (7) soalan berikut. Soalan-soalan 1 dan 2 adalah **WAJIB**. Setiap soalan mempunyai jumlah markah yang sama.

1. [a] Senaraikan **SEPULUH** (10) contoh dasar sosial yang dibincangkan melalui siri pembentangan kes di sepanjang kursus ini.

[b] Pilih **DUA** (2) daripada dasar-dasar tersebut dan huraikan secara ringkas mengikut tajuk-tajuk kecil berikut.

[i] Isu-isu penting berkaitan dasar

[ii] Ciri-ciri dasar/undang-undang/akta yang dipilih

[iii] Analisis kritikal tentang dasar/undang-undang/akta berkenaan

[iv] Rumusan.

[25 markah]

2. [a] Apakah yang anda fahami sebagai perancangan sosial.

[b] Senaraikan **TIGA** (3) tujuan utama perancangan sosial.

[c] Senaraikan **KETIGA-TIGA** model perancangan sosial yang dibincangkan di dalam kursus ini.

[25 markah]

... 2/-

3. [a] Jelaskan tentang 3 model umum dasar sosial.
[b] Huraikan perhubungan di antara dasar sosial dan kelas sosial.

[25 markah]

4. Bincangkan Dasar Sosial lawan Dasar Ekonomi.

[25 markah]

5. [a] Senaraikan ENAM (6) daripada SEMBILAN (9) kontradiksi nilai yang mempengaruhi dasar sosial menurut Jean Hardy.
[b] Huraikan TIGA (3) daripada kontradiksi-kontradiksi tersebut.

[25 markah]

6. Secara ringkas, huraikan model (kerangka) menganalisis dasar seperti yang dikemukakan oleh David Gil.

[25 markah]

7. [a] Huraikan Perancangan Struktur (Structural Planning) yang dikemukakan oleh Alan Walker.
[b] Secara ringkas nyatakan persoalan-persoalan atau kritikan di sekitar model ini.

[25 markah]

- ooo0ooo -